

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, September 17, 2019 3:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Perkasa Bidang Pertahanan Awam



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 SEPTEMBER 2019 / 17 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Roslee Mardan

PERKASA BIDANG PERTAHANAN AWAM



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Pegawai Bersekutu Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, KPj.(PA) Datuk Roslan Wahab di Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), baru-baru ini.

Kunjungan tersebut diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim merangkap Komandan Kor SISPA UUM.

Datuk Roslan berkata, APM sangat menghargai sumbangan dan peranan universiti yang menyokong penuh APM melalui pendidikan kokurikulum kesukarelawan secara berstruktur.

Menurutnya, beliau turut berbangga kerana UUM bukan sahaja antara universiti awam terawal menubuhkan Kor SISPA, malah turut menawarkan program pengajian ijazah lanjutan kepada pegawai APM.

Katanya, lawatan ini secara tidak langsung mewujudkan kerjasama strategik dan meneroka peluang yang ada bagi terus memperkasa Kor SISPA UUM dan memperhebatkan lagi aktiviti berbentuk kemasyarakatan serta kesukarelawan dalam kalangan anggota pasukan Kor SISPA.

“Pelajar yang berjaya mengikuti semua silibus kursus dalam Kor SISPA juga akan memperolehi nilai tambah untuk kerjaya selepas bergraduan dengan pentauliahan pangkat Leftenan Muda Pertahanan Awam.

“Ilmu pertahanan awam mendidik anggota pasukan Kor SISPA semangat kesukarelawanan, semangat kerja berpasukan, memupuk nilai jati diri dan cintakan kepada tanah air dalam berhadapan dengan sebarang kemungkinan kecemasan dan bencana yang berlaku tanpa di duga,” katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Yusnidah berkata, pelantikan pegawai universiti sebagai Pegawai Kehormat atau Pegawai Bersekutu telah memantapkan lagi peranan APM, selain penglibatan pelajar.

“Penglibatan pegawai universiti sangat penting kerana mereka memainkan peranan besar sebagai penghubung dan pemudahcara antara APM dan pelajar,” katanya.

Pembentangan berkaitan pengurusan Kor SISPA UUM, aktiviti kemasyarakatan serta kesukarelawan dalam kalangan anggota turut disampaikan oleh Timbalan Komandan Kor SISPA UUM, Lt. Kol. Bersekutu (PA). Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki yang juga penerima watakah penganugerahan Pingat Am Pertahanan Awam.

Hadir sama, Ajutan Kor SISPA UUM, Kapten Bersekutu (PA) Roslee Mardan dan Kapten Bersekutu (PA) Zaree Zakaria.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.